Pendakwa Raya lwn Morzuki bin Salleh

MAHKAMAH TINGGI (KUALA TERENGGANU) — PERBICARAAN JENAYAH NO 45–07 TAHUN 2001
NIK HASHIM HMR
15 DISEMBER 2003

Undang-Undang Jenayah — Kanun Keseksaan (Malaysia) — ss 96, 97, 99, 100, 102 — Pembelaan — Hak pertahanan persendirian — Perasaan bahaya yang munasabah terhadap diri dan nyawa — Ujian yang terpakai — Sama ada terdapat perasaan bahaya yang munasabah terhadap diri dan nyawa

Tertuduh ('OKT') telah dihadapkan ke mahkamah atas pertuduhan membunuh si mati di bawah s 302 Kanun Keseksaan ('KK'). Dalam satu pergaduhan, OKT telah berlawan dan menumbuk si mati. Lebih kurang satu setengah jam selepas insiden itu, si mati dan adiknya ('SP11') mencari OKT dan berjumpa dengannya di sebuah kedai di mana mereka telah menyerang OKT. Si mati menetak OKT dengan parang manakala SP11 memukul OKT dengan kerusi. OKT ketika itu bersenjata dengan sebilah pisau dan untuk mempertahankan diri dari serangan mereka, OKT telah menikam dada si mati yang membawa kematiannya di tempat kejadian. Persoalan yang perlu ditentukan adalah: (i) sama ada OKT mempunyai peluang untuk mendapat perlindungan pihak berkuasa awam di bawah s 99(3) KK; (ii) sama ada penggunaan hak pertahanan persendirian membezakan tempat kejadian; (iii) sama ada material atau tidak bagi aplikasi pembelaan itu sedangkan OKT telah mempunyai sebilah pisau dalam milikannya semasa dia diserang; (iv) sama ada serangan si mati dan SP11 ke atas OKT 'imminent' dan 'real' dan perasaan bahaya kepada OKT munasabah; dan (v)sama ada hak pertahanan persendirian di bawah s 96 KK terpakai dalam fakta kes ini.

Diputuskan, memerintahkan OKT dibebas dan dilepaskan:

(1) Keterangan pembelaan boleh dipercayai dan menyakinkan. Keterangan OKT (SDl), SD2 dan SD3 telah menyokong antara satu sama lain dan mahkamah menerima keterangan mereka. Malah keterangan mereka turut disokong oleh saksi pendakwa sendiri iaitu SP6 yang telah menyaksikan insiden kedua itu di kedai Yati. Jika keterangan saksi SP11 diuji dengan keterangan pembelaan dengan teliti, mahkamah mendapati keterangan SP11 tidak meyakinkan dan sukar untuk diterima sebagai benar (lihat perenggan-perenggan 27–28).

(2) Dakwaaan pendakwa bahawa OKT mempunyai banyak peluang untuk mendapat perlindungan pihak berkuasa awam selepas kejadian pertama dan oleh sebab itu hak pertahanan persendirian bagi kejadian kedua tidak terpakai di bawah s 99(3) Kanun Keseksaan adalah salah tanggapan kerana sebelum kejadian kedua itu berlaku, OKT tidak tahu menahu terlebih dahulu bahawa dia akan diserang oleh si mati dan SP11 di kedai Yati pada malam itu. SD2 tidak memberitahu OKT semasa mereka berada bersama di meja bahawa si mati dan SP11 telah datang mencari OKT sebelum itu. Tujuan OKT membawa pisau ialah untuk keselamatan dirinya. Walaupun OKT mempunyai

pisau, dia tidak mengunakannya sehingga di saat akhir — hanya mengunakannya apabila si mati menetaknya dengan parang ketika dia berada separuh baring di tanah (lihat perenggan 32).

(3) Ketika insiden kedua berlaku, OKT tidak langsung mempunyai peluang untuk lari meskipun dia mencuba melarikan diri ke arah motosikalnya kerana telah diserang bertubi-tubi oleh si mati dan SP11, dan OKT telah rebah akibat dipukul oleh SP11 dengan kerusi di mana tatkala itu si mati menetak OKT dengan parang dan ketika itu, OKT tidak ada pilihan lain melainkan menikam si mati di dada sekali dengan pisau P18B untuk menahan si mati daripada menyerang lagi OKT dengan parang di tangannya. Melihat kepada parang yang berukuran lebih dua kaki panjang dan matanya bercangkok, dan cara ia digunakan oleh si mati untuk menetak OKT, walaupun tidak kena OKT, dan serangan itu dibantu pula oleh SP11, maka perasaan takut yang dirasai oleh OKT atas keselamatan dirinya ketika itu adalah munasabah. Penyerang-penyerangnya telah mengakibatkan suatu keadaan merbahaya yang 'imminent' dan 'real' kepada nyawa OKT di mana OKT telah tidak mempunyai daya dan masa untuk berfikir tetapi hanya untuk menyerang balas bagi menyelamatkan dirinya. Hanya dengan tikaman itu sahajalah dapat OKT menamatkan serangan ganas si mati dan SP11 ke atasnya. Jika OKT tidak bertindak balas, mungkin dia akan kena parang si mati dan mengalami cedera parah atau kematian akibat tetakan si mati yang ganas itu (lihat perenggan 33).

(4) Dalam kes sekarang, terdapat perasaan bahaya yang munasabah dan berterusan ke atas keselamatan tubuh badan OKT ekoran serangan ganas si mati dan adiknya SP11 di kedai Yati. Serangan mereka itu adalah 'imminent' dan 'real'. Jadi, OKT berhak mempertahankan dirinya dan OKT telah bertindak dalam lingkungan haknya untuk mempertahankan dirinya dan tidak melebihi hak itu. Tikaman telah dilakukan satu kali sahaja itupun pada saat-saat akhir serangan. Fakta bahawa OKT telah mempunyai sebilah pisau dalam milikannya semasa dia diserang adalah tidak material bagi aplikasi pembelaan hak pertahanan persendirian. OKT telah mengunakan pisau PI8B itu untuk mempertahankan dirinya sahaja pada sesaat akhir, dan dia berhak mempertahankan dirinya dengan mengunakan pisau itu. Adalah tidak perlu untuk OKT mendapati dia mengalami kecederaan dahulu sebelum dia menggunakan hak itu (lihat perenggan 36); *Ya bin Daud v Public Prosecutor* [1997] 4 MLJ 322; *PP v Ngoi Ming Sean* [1982] 1MLJ 24 dan *Govindan Neelambaran v State of Kerala* AIR 1960 Ker 258 diikut.

(5) OKT telah berjaya membuktikan pembelaannya atas imbangan kebarangkalian bahawa dia dalam menikam si mati telah menggunakan hak pertahanan persendiriannya dengan sewajarnya, dan menurut s 96 Kanun Keseksaan, OKT tidak melakukan apa-apa kesalahan atas kematian si mati (lihat perenggan 37).

[**English summary**

The accused was charged in court for the murder of the deceased under s 302 of the Penal Code ('PC'). In a fight, the accused had fought and hit the deceased. About an hour and a half later the incident, the deceased and his brother ('SP11') went searching for the accused and found him at a shop where they attacked the accused. The deceased had attacked the accused with a parang while SP11 hit him with a chair. The accused at that time had with him a knife as a weapon and to defend himself from their attack, he stabbed the deceased which caused the latter's death at the scene. The issues to be determined were: (i) whether the accused had an opportunity to obtain protection from the public authority under s 99(3) of the PC; (ii) whether the right to self defence differs from place of incident; (iii) whether it was material or not to apply the defence as the accused had owned a knife when he was attacked; (iv) whether the attack by the deceased and SP11 on the accused was 'imminent' and 'real' and the accused felt a reasonable apprehension of danger; and (v) whether the right to self defence under s 96 of the PC was applicable based on the facts of this case.

Held, ordering that the accused be acquitted and released:

(1) The defence's testimony was credible and convincing. The testimony of the accused (SDl), SD2 and SD3 supported each other and the court accepted their evidence. Also their evidence were supported by the prosecution's witness, ie SP6 who saw the second incident at Yati's shop. If the evidence of the witness SP11 was examined agaist the evidence of the defence properly, the court found that the evidence of SP11 was not convincing and difficult to be accepted as the truth (see paras 27–28).

(2) The prosecution's allegation that the accused had opportunities to seek the public authority's proetection after the first incident and therefore the right to self defence in the second incident did not apply under s 99(3) of the PC was a misconception because before the second incident occured, the accused did not know beforehand that he would be attacked by the deceased and SP11 at Yati's shop that night. SD2 did not inform the accused when they were at the table that the deceased and SP11 had cane looking for the accused befor that. The reason for the accused carrying a knife was for self protection. Even though the accused had a knife, he did not used it until the last minute — only used it when the deceased atttacked him with the parang when he was half lying on the ground (see para 32).

(3) When the second incident occurred, the accused did not have an opportunity at all to escape even though he triede to run to his motorcycle as he was attacked continuously by the deceased and SP11, and the accused had fallen when he was hit by the SP11 with a chair when at that moment the deceased attacked the accused with a parang and at that moment, the accused had no choice but to stab the decesed in the chest once with the knife to stop the deceased from further attacking the accused with the parang in his hand. Looking at

the parang which measured more than two feet and the tip hooked like, and the way it was used by the deceased to attack the accused, even if it did not hit the accused, and the attack was assisted by SP11, therefore the apprehension of fear felt by the accused for his safety was reasonable. His attackers had caused a dangerous situation which was 'imminent' and 'real' on the accused's life where the accused had no time to think but only to attack back to save his life. Only with that stab was the accused able to break off the deceased and SP11's violent attack on him. If the accused did not react, he might be struck by the deceased's parang and sustained serious injury or death caused by the accused's violent attack (see para 33).

(4) In the instant case, there was a reasonable apprehension of danger which was continuous for the safety of the accused caused by the violent attack of the deceased and his brother SP11 at Yati's shop. Their attack was 'imminent' dan 'real'. Therefore, the accused had rightfully defended himself and the accused had acted within his right to defend himself and and nothing more. There was only one stab and that towards the end of the attack. The fact that the accused had a knife in his possession when he was attacked was not material for the right to self defence to apply. The accused had used the knife to defend himself at the crucial moment, and had a right to defend himself with the knife. It was not necessary for the accused to sustain injury first before he used this right (see para 36); *Ya bin Daud v Public Prosecutor* [1997] 4 MLJ 322; *PP v Ngoi Ming Sean* [1982] 1 MLJ 24 and *Govindan Neelambaran v State of Kerala* AIR 1960 Ker 258 followed.

(5) The accused had succeded in proving his defence beyond reasonable doubt that when he stabbed the deceased had duly used his right to self defence, and according to s 96 of the PC, the accused did nothing wrong in causing the death of the deceased (see para 37).]

Nota-nota

Untuk kes-kes mengenai Kanun Keseksaan ss 96, 97, 99, 100, 102, lihat 4 *Mallal's Digest* (4th Ed, 2003 Reissue) perenggan-perenggan 1273–1282.

Kes-kes yang dirujuk

Govindan Neelambaran v State of Kerala AIR 1960 Ker 258 (diiikut)
Jai Dev v State of Punjab AIR 1963 SC 612 (dirujuk)
Musa bin Yusof v PP [1953] MLJ 70 (dirujuk)
PP v Dato' Balwant Sigh (No 2) [2003] 3 MLJ 395 (dirujuk)
PP v Ngoi Ming Sean [1982] 1 MLJ 24 (diiikut)
Ya bin Daud v PP [1997] 4 MLJ 322 (diikut)

Undang-undang yang dirujuk

Kanun Keseksaan ss 96, 97, 99(3), 100, 102, 302, 304
Kanun Keseksaan 1860 [India] s 96

Rayuan daripada: Perbicaraan Jenayah No 45–07 Tahun 2001 (Mahkamah Tinggi, Kuala Terengganu)

Othman bin Abdullah (Timbalan Pendakwa Raya) bagi pihak pendakwa raya.
Mat Yusoff bin Mohamad (Rushdi, Yusop & Partners) bagi pihak tertuduh

Nik Hashim HMR:

Pertuduhan

[1] Tertuduh ('OKT'), 31 tahun dan seorang buruh kapal di Singapura telah dihadapkan ke Mahkamah atas pertuduhan seperti berikut:

> Bahawa kamu pada 25 Mac 2001, jam lebih kurang 12.30 pagi, di hadapan kedai No 7639A, Batu 9½, Kg. Padang Mengkuang, Bukit Payong, di dalam daerah Marang, di dalam Negeri Terengganu, telah melakukan kesalahan bunuh dengan menyebabkan kematian ke atas Mohd Affande bin Mamat, KP 800608–11–5697. Oleh yang demikian, kamu telah melakukan satu kesalahan yang boleh dihukum di bawah seksyen 302 Kanun Keseksaan.

Kes pendakwaan

[2] Pada 24 Mac 2001 jam lebih kurang sembilan malam, si mati, 21 tahun, telah mengadu kepada abang dia Zairualfian bin Mamat ('SP9') bahawa dia telah dipukul oleh OKT dan kawan-kawan OKT di satu kedai makan (bukan kedai Yati) di Batu 9½ Bukit Payong. Selepas itu si mati bersama SP9 dan adik si mati Farizam (SP11) telah pergi ke rumah OKT untuk mencari OKT tetapi OKT tidak ada di rumah. Menurut ayah OKT ('SP7'), mereka (SP9, si mati dan SP11) datang ke rumahnya dalam keadaan marah dan bekeng. Si mati berkata kepada SP7: 'Nak juga, kalau Morzuki parang, dia (si mati) nak parang juga.' Lepas itu, mereka bertiga balik. SP7 keluar untuk mencari OKT yang baru sahaja balik dari Singapura pada pagi 24Mac 2001. Apabila berjumpa, SP7 memberitahu OKT bahawa apa yang telah berlaku dan OKT diam sahaja. Apabila diajak balik, OKT beritahu SP7 dia hendak pergi telefon taukenya di Singapura dahulu.

[3] Sementara itu, si mati dan SP11 telah pergi mencari OKT disebuah kedai Yati di Batu 9½ Kg Padang Mengkuang, Bukit Payong (tempat kejadian) sebanyak dua kali pada malam itu. Mereka menaiki motorsikal, si mati menunggang manakala SP11 membonceng. Pada kali pertama, mereka tidak berjumpa OKT. Mereka berjumpa OKT pada kali kedua di kedai Yati. Ketika itu OKT sedang minum di sebuah meja dengan seorang yang dikenali sebagai Ching ('SD2').

[4] Menurut Zaha ('SP6'), adik kepada tuanpunya kedai Yati, dia nampak dua orang lelaki telah serang OKT dan mereka bergaduh. SP6 juga nampak seorang daripada mereka 'katok' kepala OKT dengan kerusi plastik dan kerusi itu pecah. OKT sangga dengan kedua-dua tangannya. OKT berada dalam keadaan berguling di atas tanah semasa dikatok oleh lelaki itu. Akhirnya, dia lihat seorang lelaki lagi cedera dan terbaring di atas tanah.

[5] SP11 dalam keterangannya mengaku dia telah memukul OKT dua tiga kali dengan kerusi plastik ('P22A') yang diambil di tempat kejadian. Saksi mengaku dia nampak OKT dan si mati ada mengguna senjata pisau semasa bergaduh. Seterusnya, saksi menyatakan dia nampak OKT menikam bahagian dada kiri si mati dengan pisau. Setelah ditikam, si mati jatuh ke tanah. SP11 dengan bantuan Ching ('SD2') telah membawa si mati ke klinik kesihatan Bukit Payong tetapi mati dalam perjalanan. Menurut saksi juga, dia dan si mati sering bergaduh dengan OKT dan adiknya Mazlan ('SP12').

[6] Keterangan menunjukkan selepas tikaman berlaku OKT berlari ke arah belakang kedai Yati sehingga dia dijumpai oleh adiknya Mazlan ('SP12') dan ketika itu OKT ada memegang pisau PISB di tangannya dan OKT berdarah di kepalanya. SP12 rampas pisau itu dari OKT dan membawa balik OKT untuk dirawat. Pada jam 8.20 malam hari kejadian, OKT telah menyerah diri kepada polis.

[7] Dr Abdul Karim bin Hj Tajudin ('SP4'), seorang pakar patologi, telah melakukan bedah siasat ke atas si mati. Menurut saksi, sebab kematian adalah pendarahan yang banyak akibat luka tikaman pada dada kiri dibahagian paras sternum (tulang dada) dan ukuran luka itu ialah $4^{1}/2$cm x 2cm. Luka tikaman itu mengenai tulang rusuk No 3 dan 4 dan luka sayat pada bahagian pangkal jantung dan aorta. Menurut saksi lagi, luka tikaman tersebut disebabkan oleh senjata tajam dengan kekuatan di mana pisau seperti P18B boleh menyebabkan luka tikaman tersebut. Kecederaan yang dialami oleh si mati adalah serius dan sukar untuk diselamatkan. Saksi berpendapat posisi penikam adalah berdepan 'face to face' dengan si mati dan bukan dalam keadaan statik, dan kecederaan itu juga boleh disebabkan dengan posisi si mati di atas dan penikam berada di bawahnya dan si mati boleh menyumbang force kepada kecederaan di dadanya dalam keadaan bergerak 'face to face'. Pemeriksaan jasad si mati menunjukkan si mati mempunyai tiga gambar tatoo di badannya: gambar keris di lengan kiri, gambar burung di peha kanan dan dua kuntum bunga ros dan satu helai daun di punggung kanan.

Kes prima facie

[8] Selepas meneliti keterangan saksi-saksi pendakwaan dan hujah-hujah kedua belah pihak di akhir kes pendakwaan, saya berpuas hati pada peringkat ini bahawa pihak pendakwa telah berjaya mewujudkan suatu kes prima facie terhadap OKT bahawa OKT telah melakukan kesalahan membunuh ke atas si mati seperti pertuduhan dan oleh itu, saya perintahkan OKT untuk membela diri. OKT telah memilih untuk memberi keterangan secara bersumpah.

Kes pembelaan

[9] Selain OKT (SD1), dua orang saksi SD2 dan SD3 yang berada di tempat kejadian dan telah melihat kejadian berlaku turut memberi keterangan.

[10] Dalam keterangan membela diri, OKT (SD1) dalam pemeriksaan utamanya, berkata:

J: Saya masih ingat atas pergaduhan di Bukit Payong yang terlibat si mati.

S: Sebelum kejadian di kedai Yati, ada kamu bergaduh dengan si mati?

J: Ada

S & J: Bergaduh itu ada bertumbuk antara saya dengan si mati. Tidak guna senjata apa-apa. Lepas bertumbuk saya balik ke rumah. Saya tidak beritahu sesiapa tentang bertumbuk itu. Lepas balik ke rumah, saya keluar balik pergi ke kedai di Taman Sepiah Murni Bukit Payong. Pada malam itu saya ada jumpa bapa saya (SP7) di tepi jalan besar dekat Taman Sepiah Murni. SP7 beritahu si mati, abang si mati (SP9) dan adik si mati (SP11) ada pergi ke rumah ayah (SP7). SP7 beritahu tujuan mereka datang ialah mereka mencari saya, sebab saya tidak tahu. Saya berasa takut apabila SP7 beritahu. Lepas itu, saya pergi ke kedai Yati untuk beli rokok. Di kedai itu, saya bertemu dengan Ching. Dia sudah berada di kedai Yati. Ching — Mohd Azmi bin Draman — dipanggil dan dicamkan oleh saksi. Ching duduk di meja. P2B — dirujuk. Kedai Yati, Ching duduk di tempat bertanda 'A'. Saya pun duduk di meja itu.

P29 — Meja bulat plastik dirujuk. Meja ini tempat saya duduk — dicamkan. Saya ada pesan minum. Saya dan Ching duduk di meja itu. Selepas minum, saya berpaling ke arah luar kedai dan nampak si mati dan adik Mohd Farizam (SP11) berlari kearah saya dari arah 'Z' dalam gambar P2B. Bagaimana mereka sampai di kedai saya tak nampak. Saya nampak parang di tangan si mati. Parang berbentuk panjang ada cangkok di mata parang. P14A parang dicamkan. SP11 tidak bawa apa-apa di tangannya. Mereka sampai ke meja saya duduk. *Apabila si mati sampai dekat dengan saya si mati terus angkat parang hendak tetak saya. Saya terus mengangkat meja dan tahan tetakan dia*. Tetakan parang itu kena meja dan meja pecah seperti meja P29. *Saya lari ke arah motosikal saya*.

P2B — gambar. Saya tidak sempat sampai ke motosikal saya di belakang pokok dalam gambar P2B. Semasa berlari, saya dipukul oleh SP11 di tempat 'X' dalam P2B dengan kerusi plastik warna merah di kepala saya. Dia pukul kuat, kerusi pecah — kerusi P22A dicamkan. SP11 pukul saya lebih daripada sekali. Saya rasa sakit, dan luka dikepala dan dahi. Selepas saya dipukul oleh SP11, saya jatuh ke tanah. Si mati ketika itu berada di belakang SP11. Saya cuba mengesok lari. *SP11 terus memukul saya dengan kerusi. Kemudian saya keluarkan pisau*. Saya mengesok lari ke tempat 'B' dalam P2B. *Saya masih di atas tanah dan belum bangun lagi. Si mati terus menyerang saya dengan mengangkat parang ke arah saya. Saya terus tahan simati dengan pisau di tangan saya*. Lepas itu, saya merangkak lari ke dalam kedai Yati. Saya sembunyi di belakang kedai Yati. Pisau saya ambil di pinggang saya. Saya buat keluar pisau dari pinggang saya semasa saya berada di 'B'. Pisau masih berada di pinggang saya semasa di tempat bertanda A dan X. Pertama kali saya keluar pisau di tempat 'B'.

Semasa saya di tempat 'B', *si mati* berada dekat dengan saya *cuba menetak saya semasa saya berada di tanah menghadapi dia, saya terus mengelak dan terus tertikam dia di dada dalam keadaan dia membongkok menghadapi saya. Kalau saya tidak mengelak parang dia akan kena saya. Masa dia tetak saya, saya takut atas keselamatan saya.*

Saya tidak ada niat untuk bunuh si mati.

S: Apa sebab sebenar kamu bawa pisau

J: Saya ambil pisau itu dari motosikal saya dari bawah tempat duduk motorsikal.

S & J: Saya bekerja di Singapura selama 10 tahun.

S & J: Saya tidak balik ke kampung dari Singapura dua bulan sebelum kejadian.

S & J: Semasa di Singapura, motosikal di tinggal di kampung. Adik saya bernama Mazlan (SP12) yang mengguna motosikal.

S & J: Saya selit pisau itu di pinggang semasa di kedai Yati.

S & J: Pisau itu kepunyaan Mazlan adik saya, SP12.

S: Apa pasal kamu guna pisau semasa kamu berada di tempat 'B'.

J: *Saya keluarkan pisau kerana untuk keselamatan saya.*

S & J: *Saya tidak ada masa untuk lari kerana mereka terus menerus serang saya sehingga saya jatuh.*

S & J: Saya tidak tahu sama ada Ching (SD2) tengok kejadian ini.

[11] Dalam pemeriksaan balas, antara lain SD1 menerangkan peristiwa pertama tumbuk menumbuk antara dia dan si mati. SD1 berkata:

Tempat bertumbuk dengan si mati di Batu 9 1/2 bukan di kedai Yati. Si mati belum berada dikedai itu sebelum saya sampai. Si mati sampai dikedai itu 5 minit sebelum pukul 11.00 malam. Si mati datang menaiki motosikal seorang sahaja. Simati tidak masuk ke dalam kedai tersebut.

S: Macam mana berlaku bertumbuk antara kamu dengan si mati di kedai itu?

J: *Si mati tanya saya sama ada saya beritahu polis pasal dadah berada di rumah kawan dia. Saya jawab saya tidak beritahu. Dia tidak percaya. Dia marah saya. Saya bahan dia dengan tangan dan kena di pipi dia.* Adik saya, Mazlan (SP12) pegang bahu saya untuk berhenti dari bertumbuk. *Si mati tengok adik saya Mazlan, dia terus lari naik motosikal* — motosikal yang sama yang dia datang. Si mati tidak sempat balas tumbukan saya. Si mati tidak ada senjata masa itu.

P & J: Setuju pada masa itu *adik saya ada pegang satu bilah pisau.*

Pihak Pendakwa meneruskan soalan-soalan balas keatas OKT (SD1):

S & J: Saya berasa takut apabila SP7 beritahu si mati, adik dan abang si mati cari saya. Saya takut kerana saya telah bergaduh dengan si mati di Batu 9 1/2 sebelum itu. Saya betul-betul takut.

S: Kalau kamu betul-betul takut mengapa kamu tidak balik ke rumah dengan SP7.

J: Saya belum talipon tauke dan beli rokok lagi.

S & J: Saya tidak terus ke pondok talipon sebab masa itu talipon ada orang pakai. Saya terus masuk kedai, pergi ke meja Ching. Saya tidak berjanji untuk berjumpa Ching malam itu Ching tidak beritahu apa-apa kepada saya semasa saya duduk di meja.

S & J: Saya tahu dia (si mati) mari dengan motosikal kerana semasa dia berlari ke arah saya, saya nampak motosikal di belakangnya. Saya pusing ke belakang apabila saya dengar orang berlari. Jarak dia berlari ke saya dua depa. Saya tidak sempat

bangun. Si mati datang dari tepi saya. *Si mati terus menghayun parang ke arah saya. Hanyunan parang itu tidak kena saya. Saya sempat mengangkat meja didepan saya dan tetakan parang itu kena meja.* Lepas parangnya kena meja*, saya pun lari kearah motosikal saya dan untuk terus lari.* Saya tidak sempat ambil motosikal saya. *Saya jatuh berguling di tempat bertanda 'X'. Saya tidak boleh bangun kerana adik si mati pukul saya dengan kerusi.* Si mati ada di belakang adik dia. Ketika itu simati ada pegang sebilah parang — parang yang sama dia tetak saya terkena meja. *Semasa saya terguling si mati tetak saya, tidak kena kerana saya mengelak.* Saya mengesok bergerak dengan lutut ke tempat bertanda 'B'. Adik si mati pukul saya di kepala saya dengan kerusi semasa saya mengesok. Si mati tidak sempat menetak saya semasa saya mengesok.

S & J: Si mati berada sepuluh kaki dari saya semasa adik dia pukul saya dengan kerusi.

S & J: Adik si mati terus memukul saya di 'B' sehingga saya berguling. *Saya tidak balas balik terhadap adiknya kerana saya beri tumpuan lebih kepada parang si mati daripada pukulan adiknya. Si mati mari dekat saya dan menetak saya dalam dia membongkok, terus saya tahan dengan pisau dan pisau itu kena di dadanya.*

S & J: *Semasa saya tahan dengan pisau di tangan kanan saya, saya berkeadaan duduk separuh baring (saksi demonstrate keadaan dia duduk dan tahan pisau ke arah dada si mati semasa si mati dalam keadaan membongkok menetak OKT).*

S & J: *Saya keluarkan pisau P18B dari pinggang saya ketika saat adik si mati (SP11) memukul saya dengan kerusi di tempat B dalam P2B.*

S: *Mengapa kamu keluarkan pisau?*

J: *Kerana adik si mati terus pukul saya.*

S & J: Semasa saya keluarkan pisau, si mati berada sepuluh kaki dari saya. Dia berlari ke arah saya.

S: *Mengapa kamu tidak tikam adik si mati.*

J: *Saya tidak terlintas nak tikam adik si mati.*

P: Kalau benar kamu dalam keadaan terguling terlentang, kamu tidak akan dapat mengelak tetakan si mati.

J: Tidak setuju.

S & J: Saya ambil pisau PI8B masa saya parking motosikal.

S: *Apa sebab awak ambil pisau itu?*

J: *Sebab saya takut si mati, abang dan adik si mati datang mencari saya. Pisau itu* ada sarong. Saya ambil pisau sekali dengan sarong. Saya selit pisau dengan sarong di pinggang saya sebelah kanan, dalam baju.

S & J: *Saya bawa pisau itu untuk menjaga keselamatan saya.*

S & J: *Saya tidak jangka si mati mari cari saya semasa saya ambil pisau dari motosikal.*

P: *Semasa kamu menikam si mati, kamu berhadapan berdiri dengan si mati.*

J: *Tidak setuju.*

P: *Kamu mempunyai masa untuk melarikan diri apabila kamu nampak si mati datang ke arah kamu.*

J: Tidak setuju.

S & J: Saya pergi ke motosikal, selepas si mati serang saya, saya fikir itulah jalan selamat.

P: Kamu tidak ada perasaan takut semasa kamu diserang oleh si mati dan adiknya.

J: Tidak setuju.

P: Kamu sengaja tikam di dada kiri si mati.

J: Tidak setuju.

Seterusnya, SDl telah disoal balas lagi oleh pihak pendakwa:

S: Adakah kamu pernah bergaduh dengan si mati sebelum malam kejadian?

J: Ada satu kali enam bulan sebelum kejadian, punya saya marah si mati jual dadah ganja di kampung saya. Ada bertumbuk berlaku antara saya dengan si mati. Tidak ada pihak yang menang kalah. Tidak guna senjata dalam bergaduhan itu.

Dalam pemeriksaan semula oleh peguambela, SD1 menjawab:

S & J: Si mati ialah seorang penjual dadah.

S & J: *Saya tidak ada niat untuk membunuh si mati.*

S & J: Kalau saya tidak tikam dia, mungkin saya kena parang dia.

[12] Ching, (SD2) telah memberi keterangan bagaimana kejadian itu berlaku. Dalam pemeriksaan utama mengenai apa yang telah berlaku, SD2 berkata:

J: Lepas 5 minit, OKT (SD1) datang duduk di meja saya, Ateh (si mati) datang dengan adik nama Farizam (SP11) terus serang OKT. Saya kenal mereka tapi kurang rapat. Saya nampak mereka datang dari arah Bukit Payong menaiki motosikal. Si mati membawa motosikal, adiknya membonceng. Si mati turun dari motosikal dan letak motosikal dekat gerai dalam gambar P2B. Motosikalnya seperti dalam gambar P2B. Adiknya berdiri dekat motor. *Si mati serang OKT dengan satu bilah parang panjang*. Dia pegang parang itu masa turun dari motosikal. Parang itu panjang lebih kurang 2 kaki lebih matanya bercangkok P14A dirujuk.

Parang P14A yang telah diguna oleh si mati. Saya kurang pasti sama ada parang itu ada hulu. *Si mati serang OKT dengan parang. OKT sangga dengan meja dan OKT undur kebelakang. Si mati tetak OKT dengan parang*. OKT angkat meja sangga tetakan si mati. Tetakan si mati dengan parang itu kena meja, meja pecah bahagian atas.

Si mati terus menyerang OKT. Adik si mati serang OKT dekat 'B' — dekat talipon awam. Adik si mati serang OKT dengan kerusi. Adik si mati pukul kepala OKT dengan kerusi plastik.

P22A — kerusi — inilah kerusi yang adik si mati pukul OKT. *Kerusi itu pecah kerana ia kena kepala OKT*. OKT jatuh di tempat 'B' dalam P2B. OKT bangun dan pergi ke gerai dan *rebah dekat gerai kerana di tetak oleh si mati; tetakan tidak kena*. Saya lihat adik si mati riba si mati. Saya tengok si mati ada luka di dada. Saya ketika itu berada dalam kedai. Saya tidak nampak tikam menikam berlaku ditempat gerai. Jarak saya berada dengan mereka ialah 30 kaki. Saya tidak nampak tikam menikam kerana dilindungi belakang si mati. Saya tidak nampak OKT mengeluarkan pisau. *OKT tidak serang balas si mati. Dia hanya mempertahan diri. Masa OKT rebah, dia menahan tetakan si mati dengan angkat kaki. Si mati*

menggunakan parang di tangan kanannya dan membongkok ke arah si mati ketika itu OKT terbaring dengan mengangkat kakinya menahan tetakan si mati.

S: Siapa serang siapa dalam kejadian ini.

J : *Si mati serang OKT dengan parang.*

S: Macam mana dengan adik si mati?

J: Dia serang OKT dengan kerusi.

Dalam pemeriksaan balas, SD2 menjelaskan:

'Saya berada di kedai Yati lebih kurang pukul 11.00 malam, tujuan untuk minum air. Saya duduk menghadap ke dalam kedai, Sambil minum saya tengok TV dalam kedai Yati.

Sebelum OKT sampai di kedai itu, ada si mati datang bersama adik dia ke kedai itu menaiki motosikal. Si mati bertanya saya: Ching, ada nampak KI (OKT)? Ching jawab: KI ada di Singapore …

Saya tidak beritahu OKT bahawa si mati datang tanya OKT.

S & J: Si mati pegang parang di tangan kanan sebaik sahaja dia turun motosikal.'

[13] Seorang lagi saksi pembelaan iaitu saksi SD3, 'Pok', seorang pelanggan kedai Yati, dalam pemeriksaan utamanya berkata:

Saya nampak si mati dan adiknya turun dari motosikal mari serang selalu OKT dengan parang, pegang ditangan mana tidak ingat. *Parang panjang lebih kurang dua kaki, matanya cengkok* … Masa itu, *saya lihat si mati dan adik si mati serang OKT.*

S & J: Si mati angkat parang hendak tetak OKT. OKT angkat meja dia duduk dan sangga dengan meja. Tetakan si mati kena meja. Meja itu pecah — inilah meja — P29 dicamkan. Pecah itu kena tetakan. OKT rebah sikit dekat meja. OKT lari undur sampai ke X dalam P2B, dan rebah separuh baring di tanda X. *Si mati terus tetak OKT dengan parang. OKT dalam keadaan separuh baring tahan dengan kaki kanan ke tangan kanan si mati. OKT mengesok dan baru hendak bangun pergi ke 'B' adik si mati katok OKT dengan kerusi bahagian muka OKT lebih kurang lima kali. Si mati terus katok OKT dengan parang dan OKT masih berada separuh baring.* Si mati kena pisau OKT saya tidak nampak kerana saya berada jauh juga — lebih kurang 30 kaki … .

S & J: *Sepanjang kejadian, si mati dan adiknya serang OKT.*

S & J: Ching (SD2) duduk sebelah kiri OKT.

S & J: Si mati datang dan tetak. OKT angkat meja dan tetak kena meja. Tetakan pertama kena meja. OKT lepas meja itu. OKT berundur, si mati kejar dengan parang. (Penekanan ditambah.)

Penghujahan

[14] Peguambela yang bijaksana berhujah bahawa pembelaan telah berjaya mewujudkan suatu pembelaan hak pertahanan persendirian dan adalah tidak menjadi satu kesalahan jika OKT dalam melaksanakan hak pertahanan persendiriannya, telah melakukan pembunuhan ke atas si mati dan memetik kes *Ya bin Daud v Public Prosecutor* [1997] 4 MLJ 322 bagi menyokong hujahnya.

[15] Manakala timbalan pendakwa raya yang bijaksana menegaskan bahawa hak pertahanan persendirian tidak terpakai dalam kes ini kerana pembelaan telah gagal memuaskan peruntukan s 99(3) Kanun Keseksaan yang berbunyi:

> There is no right of private defence in cases in which there is time to have recourse to the protection of the public authorities.

[16] Jadi, oleh sebab OKT mempunyai peluang untuk mendapat perlindungan pihak berkuasa awam selepas kejadian pertama dan dia tidak menfaatkanya, serta dia telah bersiap sedia dengan senjata pisau P18B untuk menerima ancaman keatasnya, maka pembelaan hak pertahanan persendirian tidak berbangkit dalam kes ini.

[17] Pihak timbalan pendakwa raya menggesa mahkamah supaya mengambilkira insiden pertama bagi menentukan sama ada pembelaan hak pertahanan persendirian dalam insiden kedua wujud dan dia akui sekiranya insiden kedua itu sahaja diambilkira, maka menurut fakta, pembelaan hak pertahanan persendirian adalah terpakai.

Undang-undang hak pertahanan persendirian

[18] Pembelaan OKT dalam kes ini berpaksikan kepada hak pertahanan persendirian. Undang-undang mengenai hak pertahanan persendirian adalah di peruntukkan di bawah ss 96, 97, 99, 100 dan 102 Kanun Keseksaan dan peruntukan-peruntukan tersebut hendaklah dibaca bersekali. Seksyen 96 Kanun Keseksaan memperuntukkan:

> Nothing is an offence which is done in the exercise of the right of private defence.

[19] *Ratanlal & Dhirajlal's Law of Crimes* (24th Ed) di ms 333 dalam mengulas mengenai skop s 96 Indian Penal Code 1860 yang mana peruntukannya adalah sama dengan s 96 Kanun Keseksaan, telah berkata:

> The right of private defence is available only to one who is suddenly confronted with immediate necessity of averting an impending danger not of his creation. The necessity must be present, real or apparent. The right of private defence is purely preventive and not punitive or retributive. The right of self-defence is not a right to take revenge nor is it a right of reprisal. It does not permit retaliation. It is a right which in fact is meant to ward off the danger of being attacked but the danger must be so imminent, potent and real that it cannot be averted otherwise than by a counter attack. That is not to suggest that the right arises only after the attack is made as in that case the person might be incapacitated before he decides to exercise his right. That would render the right illusory. However, as soon as the cause for reasonable apprehension has disappeared and the threat has been destroyed or has been put to rout, there can be no occasion to exercise the right of private defence.

[20] Di ms 334, penulis yang bijaksana itu terus berkata:

> In order to find out whether the right of private defence was available to an accused, the entire incident should be examined with care and viewed in its proper setting. The injuries received by the accused, the imminence of threat to his safety, the injuries caused by the accused and the circumstances whether the accused had time to recourse to public authorities were all relevant factors to be considered on a plea of private defence.

[21] Manakala di ms 335, semasa menghuraikan mengenai 'free fight' dia berkata: A

> Where one party is the aggressor and the other party is the defender, the right of private defence may arise.

[22] Dalam kes *Ya bin Daud***,** saya ada mengatakan yang membawa maksud: B

(1) Hak pertahanan persendirian bermula sebaik sahaja terdapatnya perasaan bahaya yang munasabah oleh tertuduh dan hak tersebut berterusan selama perasaan bahaya tersebut berterusan: *PP v Ngoi Ming Sean* [1982] 1 MLJ 24.

(2) Di mana perasaan munasabah akan bahaya itu wujud, tertuduh tidak mempunyai kewajipan untuk berundur diri tetapi dia boleh mencabar musuhnya sehingga dia tidak lagi berada dalam bahaya, dan jika didalam satu perkelahian di antara mereka, dia melakukan pembunuhan, pembunuhan sebegitu adalah beralasan: *Musa bin Yusof v PP* [1953] MLJ 70 dan *Jai Dev v State of Punjab* AIR 1963 SC 612. C

(3) Adalah tidak perlu untuk tertuduh mendapati dia mengalami kecederaan sebelum penggunaan hak pertahanan persendiriannya dijustifikasikan: *Govindan Neelambaran v State of Kerala* AIR 1960 Ker 258. D

[23] Sahabat saya, Augustine Paul H (beliau ketika itu) dalam kes *Public Prosecutor v Dato' Balwant Singh (No 2)* [2003] 3 MLJ 395 dalam menghuraikan pembelaan hak pertahanan persendirian dengan secara terperinci dan menerima pakai kes *Ya bin Daud,* antara lain telah berkata: E

> In any case where a plea of self-defence has been raised, the prosecution has to show beyond reasonable doubt that the accused did not act in self-defence and if the prosecution succeed the other possible issues will remain, including whether there was the necessary intent to constitute the crime of murder (see *Palmer v R* [1971) 1 All ER 1077 of 1085; *Tony ak Beliang v Public Presecutor* [2003] 1 CLJ 482; *Kesha v State of Rajasthan* (1993) Cri LJ 3674). This means that even if the court is left in reasonable doubt about the existence of the right of private defence there must be an order of acquittal (see *Zecevic v DPP* (1987) 162 CLR 645). F
>
> The test of a reasonable cause of apprehension of death or of grievousness is an objective test (see *Ya bin Daud v Public Presecutor*; *Soosay v Public Presecutor* [1993] 3 SLR 272). The burden of proving the defence of private defence is upon the accused on a balance of probabilities (see *Public Prosecutor v Teo Eng Chen & Ors* [1988] 1 MLJ 156; *Ya bin Daud v Public Prosecutor, Mohd Ramzani v State of Delhi* (1980) Cri U 1010; *State of UP v Ram Swarup* (1974) Cri LJ 1035; *Lee Thian Beng v Public Prosecutor* [1972] 1 MLJ 248). G

[24] Sebelum saya menimbangkan kes sekarang, adalah elok saya huraikan sedikit kes *Ya bin Daud* sama ada ia mempunyai persamaan dengan kes sekarang. Dalam kes itu, tertuduh, berumur 40 tahun dan seorang guru silat, telah berlawan dan mencederakan seorang bernama Yaacob bin Deris (SP5), yang merupakan adik kepada si mati, setengah jam sebelum pergaduhan antara tertuduh dengan si mati. Perkelahian antara tertuduh dengan adik simati (SP5) berpunca kerana lembu adik si mati (SP5) dikatakan telah merayau merosak tanaman tertuduh. Perkelahian itu berakhir dengan adik H I

si mati mendapat luka dengan limpa terburai keluar akibat tikaman di perutnya oleh tertuduh. Berita ini telah diketahui oleh keluarga adik si mati. Tertuduh semasa hendak balik ke rumahnya, telah terserempak dengan simati dan anak saudara si mati Mat Akib (SP10) dan kedua mereka menyerang tertuduh. Si mati bersenjata dengan pedang manakala SP10 dengan kerlewang. Tertuduh terus berlari ke rumah untuk mendapat golok (P6) daripada isterinya (SP15). Si mati dan SP10 menyerang tertuduh dan tertuduh melawan balik. Pergaduhan itu berlaku dihalaman rumah tertuduh. Dalam pertempuran itu, si mati telah mengalami tetakan di kepala dan mati di tempat kejadian manakala SP10 mendapat luka parah. Tertuduh juga telah mengalami kecederaan mendapat luka di muka kiri dan di lutut kanannya. Sejurus kemudian polis datang dan tertuduh menyerah diri.

[25] Tertuduh telah didakwa melakukan kesalahan homisid salah di bawah s 304 bahagian pertama Kanun Keseksaan dan telah didapati bersalah selepas perbicaraan dan disabitkan oleh Mahkamah Sesyen, Kota Bharu dan tertuduh telah dihukum penjara selama tujuh tahun. Tidak berpuas hati atas sabitannya, tertuduh telah merayu dan rayuannya telah dibenarkan oleh Mahkamah Tinggi Kota Bharu. Tertuduh telah dibebas dan dilepaskan atas dasar bahawa pihak pembelaan telah berjaya membuktikan pembelaan bahawa tertuduh dalam mencederakan si mati telah mengunakan hak pertahanan persendiriannya dengan sewajarnya. Tidak ada rayuan terhadap keputusan saya dalam kes tersebut.

[26] Adalah diperhatikan bahawa kejadian pertama antara tertuduh dengan adik si mati (SP5) dalam kes itu telah berlaku setengah jam sebelum peristiwa kedua antara si mati dengan tertuduh. Serupa juga dengan kes sekarang. Insiden kedua antara OKT dengan si mati dan adiknya di kedai Yati berlaku malam yang sama tetapi satu setengah jam selepas berlaku insiden pertama atau senario pertama sebagaimana timbalan pendakwa raya memanggilnya. Seperkara lagi yang serupa dengan kes sekarang ialah OKT dalam episod kedua telah diserang oleh dua orang: si mati dan adiknya (SP11), manakala dalam kes itu, si mati dan anak saudaranya (SP10). Simati dan tertuduh dalam kedua-dua kes masing-masingnya bersenjata. Fakta yang berbeza ialah serangan ke atas tertuduh dalam kes itu berlaku di halaman rumah tertuduh manakala tempat kejadian dalam kes sekarang adalah di tempat awam, di sebuah kedai makan. Seperkara lagi yang berbeza ialah mangsa dalam senario pertama dalam kes sekarang ialah si mati manakala dalam kes itu, SP5 dan bukan si mati yang menjadi mangsa.

Keputusan

[27] Selepas menimbangkan semua keterangan pendakwaan dan pembelaan termasuk ekshibit-ekshibit yang telah dikemukakan, dan melihat kepada tingkah laku saksi-saksi dan mendengar mereka memberi keterangan, saya dapati keterangan pembelaan adalah boleh dipercayai dan menyakinkan. Keterangan OKT (SDl), SD2 dan SD3 telah menyokong antara satu sama lain dan saya menerima keterangan mereka. Malah keterangan mereka turut disokong oleh saksi pendakwa sendiri iaitu SP6 yang telah menyaksikan insiden kedua itu di kedai Yati.

[28] Sesudah mendengar saksi-saksi pembelaan memberi keterangan, saya dapati keterangan adik si mati (SP11) meragukan atas kebenarannya, walaupun pihak pendakwa mendakwa pihak pembelaan tidak menyoal balas SP11 dengan terperincinya. Dalam hal keadaan kes ini, kegagalan pihak pembelaan menyoal balas SP11 dengan terperinci sebagaimana didakwa tidak menjejaskan kes pembelaan sedikitpun, kerana pembelaan tidak menafikan si mati mati akibat tikaman oleh OKT. Jika keterangan saksi SP11 diuji dengan keterangan pembelaan dengan teliti, saya dapati keterangan SP11 tidak meyakinkan dan sukar untuk diterima sebagai benar. SP11 merupakan seorang saksi yang berkepentingan dan telah memain peranan aktif dalam mencari OKT dari rumah SP7 sehinggalah berjumpa OKT di kedai Yati dalam episod kedua. Dia sendiri terlibat secara langsung dalam serangan ke atas OKT dan telah meratan si mati menyerang dan memukul OKT. SP11 telah memukul OKT di kepala dengan kerusi berkali-kali sehingga kerusi pecah bukan untuk meleraikan pergaduhan tetapi untuk mencederakan OKT dengan sengaja. Jadi, keterangan SP11 tidak boleh diterima dan oleh itu, ia diketepikan.

[29] Harus diingat si mati dan SP11 telah menyerang OKT di kedai Yati secara tiba-tiba. OKT tidak tahu terlebih dahulu dan tidak menjangka bahawa dia akan dicari balik oleh si mati dan adiknya selepas insiden pertama. OKT hanya berasa takut mereka akan mencari dia. Dalam insiden pertama, OKT telah menumbuk si mati apabila si mati memarahi OKT. Dalam hal ini, walaupun si mati telah dikatakan sebagai seorang penjual dadah, saya dapati OKT tidak berhak menumbuknya semata-mata kerana si mati memarahinya.

[30] Namun begitu, saya dapati si mati seorang yang bengis dan ganas dan suka mencari pergaduhan. Dia merupakan aggressor dari mula insiden pertama sehingga insiden kedua. Ini dapat dilihat daripada tindakan dia memarahi OKT dalam insiden pertama, dan seterusnya mencari OKT sehingga dapat serta membuat cabaran kepada OKT melalui ayah OKT, SP7: 'Nak juga, kalau Morzuki parang, dia nak parang juga.' Dalam perkelahian pertama, si matilah orang yang mencari OKT untuk menanya OKT sama ada OKT memberitahu polis mengenai dadah di rumah kawan si mati dan jawapan 'tidak' oleh OKT menyebabkan si mati memarahi OKT. Selepas ditumbuk oleh OKT, si mati bersama abang (SP9) dan adiknya (SP11) pergi mencari OKT di rumah ayah OKT (SP7). Lepas gagal menemui OKT, si mati dan SP11 pergi pula mencari OKT di kedai Yati dan tidak berhasil. Kemudian si mati dan SP11 mencari lagi OKT di kedai Yati dan akhirnya berjumpa dengannya.

[31] Sepatutnya si mati melaporkan sahaja kejadian pergaduhan pertama itu kepada polls dan bukannya berdendam mencari OKT sehingga dapat. Mengapa si mati bertindak begitu? Adalah tidak munasabah bagi OKT melaporkan peristiwa pertama itu kepada pihak polls seperti dicadangkan oleh pihak pendakwa, kerana pihak yang tidak puas hati dalam perkelahian pertama itu ialah si mati dan bukan OKT. Sesungguhnya kejadian kedua yang malang itu tidak akan berlaku sekiranya si mati tidak berdegil mencari dan menyerang OKT. Jadi, siapa yang salah? Sudah tentu si mati. Dialah orang yang mencetus pergaduhan dalam kedua-dua kejadian.

[32] Serangan ke atas OKT dalam insiden kedua merupakan satu kejadian yang tersendiri, walaupun ia berkait rapat dengan kejadian pertama. Kejadian pertama berlaku di lain tempat dan berlainan waktu dan pihak terlibat ialah OKT dan si mati sahaja. Manakala kejadian kedua, selain tempat dan waktu yang berlainan, pihak yang terlibat ialah di antara OKT di satu pihak dan simati dan SP11 di satu pihak yang lain. Jadi, dakwaaan pendakwa bahawa OKT mempunyai banyak peluang untuk mendapat perlindungan pihak berkuasa awam selepas kejadian pertama dan oleh sebab itu hak pertahanan persendirian bagi kejadian kedua tidak terpakai di bawah s 99(3) Kanun Keseksaan, adalah salah tanggapan kerana sebelum kejadian kedua itu berlaku, OKT tidak tahu menahu terlebih dahulu bahawa dia akan diserang oleh si mati dan SP11 di kedai Yati pada malam itu. Ching (SD2) tidak memberitahu OKT semasa mereka berada bersama di meja bahawa si mati dan SP11 telah datang mencari OKT sebelum itu. Tujuan OKT membawa pisau P18B ialah untuk keselamatan dirinya. Walaupun OKT mempunyai pisau P18B, dia tidak mengunakannya sehingga di saat akhir — hanya mengunakannya apabila si mati menetaknya dengan parang (PI4A) ketika dia berada separuh baring di tanah bertanda 'B' dalam gambar P2B.

[33] Ketika insiden kedua berlaku, OKT tidak langsung mempunyai peluang untuk lari meskipun dia mencuba melarikan diri ke arah motosikalnya kerana dia telah diserang bertubi-tubi oleh si mati dan SP11, dan OKT telah rebah akibat dipukul oleh SP11 dengan kerusi. Semasa OKT berada dalam keadaan rebah di tanah, si mati menetak OKT dengan parang dalam keadaan si mati membongkok dan ketika itu, OKT tidak ada pilihan lain melainkan menikam si mati di dada sekali dengan pisau P18B untuk menahan si mati daripada menyerang lagi OKT dengan parang di tangannya. Dalam pemeriksaan semula, OKT berkata: 'Kalau saya tidak tikam dia, mungkin saya kena parang dia.' Melihat kepada parang P14A yang berukuran lebih dua kaki panjang dan matanya bercangkok, dan cara ia digunakan oleh si mati untuk menetak OKT, walaupun tidak kena OKT, dan serangan itu dibantu pula oleh SP11, maka perasaan takut yang dirasai oleh OKT atas keselamatan dirinya ketika itu adalah munasabah. Penyerang-penyerangnya (si mati dan SP11) telah mengakibatkan suatu keadaan merbahaya yang 'imminent' dan 'real' kepada nyawa OKT dimana OKT telah tidak mempunyai daya dan masa untuk berfikir tetapi hanya untuk menyerang balas bagi menyelamatkan dirinya. Hanya dengan tikaman itu sahajalah dapat OKT menamatkan serangan ganas si mati dan SP11 ke atasnya. Jika OKT tidak bertindak balas, mungkin dia akan kena parang si mati dan mengalami cedera parah atau kematian akibat tetakan si mati yang ganas itu. Sedangkan meja plastik yang keras itu boleh pecah dengan tetakan parang si mati, inikan pula tubuh manusia. Sudah tentu OKT akan mendapat cedera parah jika tetakan simati kena sasarannya, iaitu OKT. Itulah sebabnya OKT telah memberi tumpuan lebih kepada serangan si mati dan tidak bertindak balas terhadap serangan SP11, walaupun OKT telah dipukul bertalu-talu oleh SP11 dengan kerusi di kepalanya.

[34] Timbalan pendakwa raya yang bijaksana dalam hujahnya telah akui bahawa OKT berhak kepada pembelaan pertahanan persendirian dalam

episod kedua sekiranya episod pertama tidak diambil kira. Pada penghakiman saya, pembelaan hak pertahanan persendirian OKT dalam episod kedua tidak bergantung kepada episod pertama, kerana kejadian itu telah tamat apabila si mati melarikan diri selepas ditumbuk oleh OKT. Perasaan bahaya yang sebenar dan timminent' kepada OKT tidak dirasai oleh OKT sebelum insiden kedua berlaku. Perasaan takut, atas jangkaan OKT bahawa si mati, abang dan adik si mati akan datang sekadar untuk mencarinya, tidak memadai untuk mewajibkan OKT mendapatkan perlindungan pihak berkuasa awam. Pembelaan hak pertahanan persendirian tidak timbul sebelum berlakunya insiden kedua. Pembelaan ini timbul hanya apabila OKT diserang oleh simati dan SP11. Fakta menunjukkan dengan jelas bahawa dalam episod kedua, OKT tidak berkesempatan untuk melarikan diri, apatah lagi untuk mendapatkan perlindungan pihak berkuasa awam, kerana dia telah diserang bertubi-tubi oleh si mati dengan parang dan adiknya (SP11), dengan kerusi.

[35] Fakta kes *Ya bin Daud* tidak banyak berbeza dengan fakta kes ini. Hak pertahanan persendirian tertuduh dalam kes itu hanya timbul apabila tertuduh menghadapi si mati dan SP10 dalam perjalanan balik ke rumahnya. Begitu juga dalam kes ini, hak pertahanan persendirian timbul apabila OKT diserang oleh si mati dan SP11 secara mengejut di kedai Yati dan hak pertahanan persendirian itu terpakai tanpa mengira tempat sama ada tempat itu di tempat awam ataupun di halaman persendirian. Penggunaan pembelaan hak pertahanan persendirian oleh seseorang tidak membezakan tempat. Apa yang penting dalam menggunakan pembelaan hak pertahanan persendirian ialah perasaan bahaya yang munasabah yang dirasai oleh orang yang kena serang apabila diserang.

[36] Dalam kes sekarang, terdapat perasaan bahaya yang munasabah dan berterusan ke atas keselamatan tubuh badan OKT ekoran serangan ganas simati dan adiknya SP11 di kedai Yati. Serangan mereka itu adalah 'imminent' dan 'real'. Jadi, OKT berhak mempertahankan dirinya dan OKT telah bertindak dalam lingkungan haknya untuk mempertahankan dirinya dan tidak melebihi hak itu. Tikaman telah dilakukan satu kali sahaja itupun pada saat-saat akhir serangan. Fakta bahawa OKT telah mempunyai sebilah pisau dalam milikannya semasa dia diserang adalah tidak material bagi aplikasi pembelaan hak pertahanan persendirian. OKT telah mengunakan pisau PI8B itu untuk mempertahankan dirinya sahaja pada sesaat akhir, dan dia berhak mempertahankan dirinya dengan mengunakan pisau itu. Adalah tidak perlu untuk OKT mendapati dia mengalami kecederaan dahulu sebelum dia mengunakan hak itu. Harus diingat undang-undang tidak menghendaki seseorang warga berkelakuan seperti seorang pengecut. Dalam kes ini, simati dan bukan OKT yang mencipta episod kedua yang menyebabkan kematiannya. Kematian si mati amatlah menyedihkan.

[37] Akhirnya, menerima pakai prinsip-prinsip undang-undang pembelaan hak pertahanan persendirian yang telah dihuraikan, maka saya dapati atas fakta kes ini, OKT telah berjaya membuktikan pembelaannya atas imbangan kebarangkalian bahawa dia dalam menikam si mati telah menggunakan hak pertahanan persendiriannya dengan sewajarnya, dan menurut s 96 Kanun Keseksaan, OKT tidak melakukan apa-apa kesalahan atas kematian si mati

yang malang itu. Oleh yang demikian, saya perintahkan OKT, Morzuki bin Salleh dibebas dan dilepaskan.

Perintah untuk OKT dibebas dan dilepaskan.

Dilaporkan oleh Ezatul Zuria Azhari